




SIARAN AKHBAR



INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU KEEMPAT (Q4 2021)

1. Brunei Darussalam Central Bank [BDCB] telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index [RPPI] Negara Brunei Darussalam bagi suku keempat (Q4) 2021. Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam, dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan [ABCi].
2. Pada Q4 2021, RPPI telah merekodkan peningkatan sebanyak 7.6% tahun-ke-tahun kepada 97.4 berbanding dengan Q4 2020, dan peningkatan sebanyak 4.3% berbanding dengan suku sebelumnya. Ini menunjukkan tren peningkatan yang berterusan dari suku sebelumnya.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q3 2020	Dari Q2 2021
*Q3 2021	93.4	1.9%	0.4%
Q4 2021	97.4	7.6%	4.3%

* Nota: Data bagi Q3 2021 telah dikemaskini pada 23 Mac 2022.





2. Sebanyak 128 transaksi pembelian harta tanah kediaman persendirian yang dibiayai melalui bank-bank telah direkodkan pada Q4 2021, berbanding dengan 130 transaksi pada suku sebelumnya. Kebanyakan daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* [62.5%]; diikuti dengan rumah berkembar atau *semi-detached* [11.7%]; rumah teres [18.7%]; pangaspuri [5.5%]; dan tanah [1.6%].

3. Harga median bagi pembelian kesemua jenis harta tanah kediaman persendirian pada Q4 2021 adalah BND264,000. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 7.8% berbanding dengan Q4 2020, dan peningkatan sebanyak 5.6% berbanding dengan suku sebelumnya. Harga median bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* adalah BND295,400; bagi rumah berkembar

atau *semi-detached* adalah BND255,000; bagi rumah teres adalah BND219,400; bagi pangsapuri adalah BND240,000; dan bagi tanah adalah BND187,500. Pengiraan RPPI menggunakan harga median dan bukan harga purata kerana ia merupakan ukuran yang lebih tepat bagi harta tanah kediaman. Ini disebabkan harga median yang tidak terjejas oleh harga harta tanah yang luar biasa bagi jenis harta tanah yang sama dalam suatu tempoh masa.

4. Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik tersebut untuk menilai mana-mana harta tanah kerana harga harta tanah kediaman persendirian adalah berbeza tertakluk antara lainnya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
5. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web BDCB www.bdcb.gov.bn. Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 3 Ramadhan 1443H / 5 April 2022M
Rujukan: BDCB/COMMS/3